

12

Mengaplikasi Rutin Berfikir ‘Lihat-Fikir-Tanya’ Dan ‘Nyatakan-Sokong-Soal’ Bagi Meningkatkan Kemahiran Lisan Pelajar

Sekolah Menengah Bukit View



Mastura Ashari

mastura_ashari@schools.gov.sg



Nur Atikah Abd Hakim

nur_atikah_abd_hakim@schools.gov.sg

Abstrak

Kajian Pengajaran ini telah dijalankan untuk menangani masalah pelajar yang menghadapi kesukaran memberikan idea dan pandangan dalam pelajaran dan ujian lisan terutama dalam Perbualan Berdasarkan Gambar. Kajian Pengajaran merupakan satu usaha kolaboratif dan sistematik untuk meningkatkan mutu pembelajaran pelajar dan pengajaran guru. Pendekatan ini memberi peluang kepada guru untuk meneliti kembali dan memperbaiki rancangan pengajaran yang telah dibina dengan menggunakan rutin MTV dan teknik menyoyal. Natijahnya, pengajaran dan pembelajaran menjadi semakin berkesan lantas mempertingkat tahap profesionalisme para guru di samping meningkatkan kemahiran pertuturan para pelajar supaya menjadi penutut yang lebih yakin semasa memberi pandangan mereka secara interaktif dalam bahasa Melayu.


Kata Kunci: Kajian Pengajaran (*Lesson Study*); rutin MTV; profesionalisme guru, kemahiran lisan

Pengenalan

Selaras dengan misi sekolah – *Engaged Learners, Empathetic Citizens, Ethical Advocates*, Unit Bahasa Melayu Sekolah Menengah Bukit View memulakan projek Kajian Pengajaran (*Lesson Study* ringkasnya LS) untuk menangani isu pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah semasa pelibatan Komuniti Pembelajaran Profesional (*Professional Learning Community, PLC*). Kajian Pengajaran merupakan satu usaha kolaboratif dan sistematik untuk meningkatkan pembelajaran pelajar dan pengajaran guru. Lazimnya, (PdP) bagi kemahiran lisan berpusatkan guru dengan guru memberi fakta-fakta yang perlu diutarakan dalam perbualan. Pelajar akan didedahkan kepada konsep menjawab soalan-soalan secara harfiah. Kaedah pengajaran ini bersifat deduktif dan condong ke arah penghafalan serta tidak menggalakkan pelajar berfikir secara kritis. Maka itu, pendekatan penggunaan rutin berfikir Menjadikan Pemikiran Jelas (*Making Thinking Visible, MTV*) diperkenalkan kepada pelajar untuk menggalakkan budaya berfikir dalam kalangan pelajar dan mengekalkan motivasi mereka terhadap pembelajaran. Selain itu, para pelajar menggunakan platform Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) sebagai wadah pembelajaran kemahiran lisan untuk menjawab soalan-soalan berdasarkan video kerana fitur-fitur di SLS membolehkan pelajar menggunakan rutin berfikir MTV untuk mengasah kemahiran berfikir secara kritis. Guru hanya memainkan peranan sebagai fasilitator dan bertanggungjawab memupuk dan mengukuhkan minat pelajar terhadap pelajaran lisan menerusi teknik penyoalan secara bertahap atau memberi perancah. Selain itu, guru juga dapat memberi maklum balas dengan segera melalui platform SLS. Berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada, pelajar akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima untuk membina pengetahuan baharu. Pembelajaran berlaku secara aktif dan interaktif bagi membolehkan pelajar membina dan berkongsi pengetahuan dengan rakan. Rakan sebaya juga berpeluang memberi maklum balas dengan menggunakan rubrik yang direka khas. Dengan perkongsian ilmu, pelajar dapat menilai dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran berfikir.

Pernyataan Masalah

Tuntutan peperiksaan lisan dalam bahagian Perbualan Berdasarkan Video memerlukan pelajar untuk berkongsi maklumat dan memberi pendapat. Pelajar perlu memahami klip video yang ditonton lalu menjana dan membina idea untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan guru pemeriksa. Semasa sesi PLC, guru-guru Sekolah Menengah Bukit View telah menyumbang saran



dan akhirnya berpendapat bahawa prestasi para pelajar masih terhambat kerana kurang pendedahan pengalaman sendiri dan tidak dapat melontarkan pandangan dalam bahasa Melayu kerana kurang dilatih berfikir secara kritis yang berstruktur. Mereka perlu dilatih untuk berfikir secara kritis semasa menonton video dan menyampaikan idea yang bernas sewaktu menjelaskan kandungan klip video tersebut. Justeru, guru-guru mengubah strategi pengajaran agar lebih efektif dalam melatih pemikiran berstruktur, kritis dan jelas tatkala pelajar menjana idea dan menyampaikan pandangan.


TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan keupayaan pelajar menjawab soalan lisan secara kreatif dan yakin;
2. membina keupayaan pelajar memahami rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dan 'Nyatakan-Sokong-Soal' untuk menjana idea dengan lebih berstruktur; dan
3. meningkatkan PdP guru secara sistematik dan kolaboratif.

Secara keseluruhan, tujuan kajian ini adalah untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang berkesan dalam kalangan pelajar dalam pertuturan terutamanya semasa mereka menduduki peperiksaan lisan - Perbualan Berdasarkan Video. Usaha ini dijalankan menerusi pendekatan rutin berfikir MTV dengan menggabungkan 'Lihat-Fikir-Tanya (LFT)' dan 'Nyatakan-Sokong-Soal (NSS)' bagi menjadikan hasil pemikiran mereka lebih tersusun dan jelas. Protokol LS juga adalah untuk meningkatkan pembangunan profesionalisme guru Bahasa Melayu dengan memperdalam pengetahuan kandungan pedagogi (*pedagogical content knowledge*) semasa memantau pelajaran yang dijalankan dan selanjutnya berkolaborasi untuk menjadikan pelajaran lebih berkesan.

KAJIAN LEPAS



Kajian pengajaran merupakan kajian yang melibatkan pemerhatian dalam proses pembelajaran pelajar semasa pengajaran guru berlangsung. Istilah yang mungkin boleh diperkenalkan bagi membawa maksud yang sama ialah "penelitian pengajaran". Dalam bahasa Jepun, LS dikenali sebagai "Jugyokenkyu" yang bermaksud "kajian pengajaran". Istilah LS telah

diperkenalkan oleh Makoto Yoshida, seorang pakar yang berpengalaman luas dalam bidang ini (Fernandez & Yoshida, 2004).

Kajian pengajaran merupakan suatu pendekatan bertujuan untuk melakukan penelitian terhadap pengajaran guru di dalam kelas. Pendekatan ini juga bertujuan untuk meneroka perkembangan pembelajaran pelajar dengan lebih mendalam dan bermakna kerana ia memberi penekanan pada proses pembelajaran. LS merupakan kesinambungan daripada kaedah pengajaran secara kolaboratif dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri (Mohamed Naim Daipi, 2009).

LS telah diperkenalkan pada peringkat antarabangsa oleh Stigler dan Hiebert (1999) melalui buku mereka *“The Teaching Gap”*. LS melibatkan sekumpulan pendidik berkolaborasi pada satu jangka masa tertentu bagi mereka membentuk, melaksana, menguji dan membuat penambahbaikan terhadap pelajaran yang dikaji.


LS adalah inisiatif pembangunan profesional pendidik. Ia memberi peluang kepada pendidik untuk bekerjasama, berbincang, berkongsi pengalaman dan metodologi pengajaran. Ia merupakan proses penambahbaikan berterusan yang dilakukan secara beransur-ansur. Menurut Spark pula:

“Lesson study is a collaborative process in which teachers engage in sustained, intellectually rigorous study of what they teach and how they teach it.” (Sparks, 1999)

Selain itu, penggunaan rutin berfikir MTV merupakan alat yang mampu mewujudkan aktiviti terancang yang sistematik di dalam kelas untuk membantu pelajar berfikir secara kritis dan kreatif bagi membina keupayaan pelajar menyampaikan buah fikiran tentang kandungan klip video sebagai bahan rangsangan. Ia dapat mempersiapkan pelajar dengan strategi yang betul untuk menyusun idea-idea mereka.

Ron Ritchhart and David Perkins (2008), pengasas MTV menyatakan bahawa *“When learners speak, write, or draw their ideas, they deepen their cognition...”*.

Lantas, rutin MTV bukan hanya memanfaatkan pelajar tetapi juga guru yang terlibat dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP). Guru mendapat informasi tentang cara pembelajaran pelajar dan cara pelajar berfikir.



Kemudian, guru dapat menyusun pelajaran seterusnya supaya menjadi lebih efektif.

KAEDAH KAJIAN

LS bukan sahaja memberi fokus dalam mengkaji bahan pengajaran dan membina pengajaran yang berfaedah, bahkan, LS juga meneroka idea untuk meningkatkan pemikiran pelajar, membantu guru mencari huraian masalah secara kolaborasi semasa menangani kesukaran pengajaran atau metodologi. Amalan pengajaran yang bersesuaian perlu bagi membangunkan kompetensi pelajar seperti penguasaan dalam kandungan pelajaran, pemikiran kritikal, penyelesaian masalah yang kompleks, komunikasi dan kolaborasi yang berkesan, serta pembelajaran sendiri. Usaha ini dijalankan menerusi pendekatan rutin berfikir dengan penggabungan strategi 'Lihat-Fikir-Tanya' dan 'Nyatakan-Sokong-Soal' untuk menggalakkan pemikiran secara kritis dan tersusun. Para pelajar telah terbiasa menggunakan rutin-rutin berfikir ini apabila mereka memberikan jawapan dan bukti berdasarkan video yang ditonton.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 25 orang pelajar Menengah 3 Ekspres dan Normal Akademik. Pelajar ini mempunyai keupayaan yang pelbagai dan dinamik. Mereka dipilih sebagai subjek kajian untuk mempersiapkan mereka bagi peperiksaan lisan peringkat O dan NA pada tahun berikutnya.

Instrumen Kajian

Setelah merujuk pada data-data yang telah dikumpulkan, para guru sebulat suara bersetuju untuk memberikan perhatian pada komponen Lisan-Perbualan Berdasarkan Video. Pada perbincangan selanjutnya, guru telah mengenal pasti komponen khusus yang perlu diberi perhatian, iaitu menjawab soalan lisan berbentuk inferens yang memerlukan bukti.

Rutin berfikir MTV digunakan sebagai instrumen kajian. Rutin berfikir LFT dan NSS telah digunakan untuk menggalakkan para pelajar berfikir bagi meningkatkan kemahiran lisan mereka. Selain itu, guru menggunakan wadah SLS dan alat rakaman audio untuk mengumpulkan respons pelajar di samping

meneliti kemampuan mereka dalam kemahiran lisan. Rakaman ini membantu para pelajar memantau dan memperbaiki mutu penyampaian mereka.


Guru menyediakan perancangan dalam bentuk soalan yang dibina di portal SLS sebagai rujukan untuk meneliti keberkesanan strategi MTV yang digunakan di dalam bilik darjah. Guru Pemerhati juga memantau pelaksanaan LS yang telah dibincang bersama dan melakukan pemerhatian supaya dapat menambah baik PdP yang boleh digunakan di dalam kelas-kelas yang lain.

Rubrik penilaian rakan turut digunakan untuk melihat bagaimana pelajar menilai pencapaian rakan mereka. Rubrik penilaian ini merupakan usaha menggalakkan sifat bertanggungjawab untuk mempertingkatkan kemahiran lisan semasa perbualan rakan mereka di samping menilai kemahiran mereka secara sendiri. Selain itu, guru-guru pemantau juga menggunakan rubrik penilaian PdP untuk melihat keberkesanan pengajaran kajian. Menerusi LS, guru dapat meraih pemahaman yang lebih baik tentang cara pelajar belajar dan guru mengajar. Sesi refleksi pelajaran dapat meningkatkan pembelajaran secara sistematik dan kolaboratif, yakni seorang guru dapat menimba pengetahuan melalui proses kerjasama dengan guru lain untuk menambah baik pengajaran yang telah dijalankan di dalam kelas.

Prosedur Kajian

Kajian pengajaran ini bermula dengan perbincangan dan melakarkan rancangan pelajaran oleh ahli kumpulan. Rancangan pelajaran ini dibincangkan dengan Orang Yang Berpengetahuan (*Knowledgeable Others*) dari Pusat Bahasa Melayu Singapura. Perubahan pada rancangan pengajaran pelajaran dilakukan berdasarkan maklum balas yang diberi. Rancangan pelajaran yang telah diperbaiki, dikongsi dengan semua ahli kumpulan sebelum LS dijalankan.

Rutin Berfikir LFT dan NSS telah diajarkan terlebih dahulu kepada para pelajar untuk membantu mereka memberikan jawapan bagi soalan-soalan yang diajukan. Rutin Berfikir 'Lihat-Fikir-Tanya' mempertingkatkan perbendaharaan kata para pelajar bertutur mengenai video yang ditonton dan membantu mereka ketika menjawab soalan. Rutin 'Nyatakan-Sokong-Soal' pula membantu para pelajar berfikir secara kritis untuk mencari bukti bagi menyokong pendapat mereka.



Rancangan pelajaran yang ditambah nilai telah dilaksanakan di dalam bilik darjah dengan memberi tumpuan pada perkara-perkara berikut:

1. masalah yang berkaitan dengan aspek pedagogi yang dihadapi guru;
2. pengajaran yang dirancang dengan teliti yang dibantu oleh sekumpulan guru;
3. dipantau oleh guru-guru lain;
4. dicatat dan dirakam bagi tujuan analisis dan refleksi; dan
5. dibincangkan oleh kumpulan guru, rakan-rakan sekerja, pihak pengurusan dan pemerhati luar atau Orang Yang Berpengetahuan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan dan perkongsian guru ketika pascakajian telah berjaya menghasilkan maklumat yang penting bagi mengukuhkan lagi prosedur pengajaran yang ingin dilaksanakan kelak. Kumpulan guru pemerhati telah berkongsi kekuatan dan kelemahan rancangan pengajaran pelajaran yang telah dirancang. Maklumat ini adalah dari kesimpulan yang diperolehi setelah guru pemerhati memerhatikan wajah, gerak tubuh dan respons subjek yang menjalani kajian tersebut. Cadangan dan saranan telah diberi dan dikongsi bersama semasa sesi refleksi. Melalui respons dan jawapan yang diberi oleh pelajar pada latihan-latihan yang diberi di SLS, respons pelajar menunjukkan bahawa mereka telah memahami apa yang telah disampaikan oleh guru. 80% pelajar dapat memberikan jawapan berserta bukti bagi soalan-soalan yang telah diajukan. Rutin berfikir amat membantu para pelajar berfikir dan memberikan pandangan serta bukti berdasarkan video yang diberi. Rutin berfikir 'Lihat-Fikir-Tanya' membantu para pelajar berfikir untuk memberikan kosa kata berkaitan dengan video yang dipaparkan. Ini dapat mempertingkatkan kosa kata dan membantu mereka ketika menjawab soalan. Rutin berfikir 'Nyatakan-Sokong-Soal' menggalakkan para pelajar berfikir secara kritis untuk mencari jawapan dan memberi bukti bagi menyokong pendapat mereka. Cara ini juga menggalakkan mereka bertanyakan soalan untuk meningkatkan pemahaman mereka.

Dapatan kajian menunjukkan peningkatan dari segi pencapaian pelajar menjawab dan memberi respons mereka. Pelajar berasa yakin dan berjaya menjawab soalan yang berbentuk inferens yang diajukan menerusi wadah SLS. Jadual 1 dan 2 menunjukkan peratusan pelajar dalam praujian dan pascaujian.

Jadual 1: Taburan Markah Praujian

Julat Markah	0-30	31-50
Bilangan Pelajar**	11	8
Peratusan	57.9%	42.1%

Jadual 2: Taburan Markah Pascaujian

Julat Markah	0-30	31-50
Bilangan Pelajar**	5	20
Peratusan	20%	80%


** Penambahan bilangan pelajar semasa Pascaujian adalah disebabkan penukaran aliran/SBB

Persepsi guru terhadap keberkesanan LS juga berubah. LS merupakan satu kaedah pengajaran yang bukan sahaja memberikan manfaat kepada guru untuk meningkatkan mutu pengajarannya bahkan juga merupakan satu kaedah yang dapat menganalisis keupayaan pelajar dalam pemahaman secara berperingkat dan menampakkan keberkesanan. Guru kini lebih yakin akan keberkesanan LS bagi meningkatkan kejayaan PdP. Menerusi kitaran kajian, pengajaran guru dapat memberikan fokus yang lebih kepada beberapa faktor utama berdasarkan profil, pencapaian dan maklum balas yang ditunjukkan sehingga membolehkan guru memantapkan kaedah kajian dalam LS, menawarkan proses PdP yang berstruktur dan bermatlamat. Protokol kajian ini juga menuntut para guru untuk bekerjasama dan saling memberi dorongan serta pandangan yang bersifat konstruktif.

Dalam perbincangan pascakajian, maklumat lain juga telah dapat dikongsi bersama. Guru yang terlibat telah memberi respons dan renungan yang tuntas dan bernas bagi memastikan pelajaran lisan dapat dilaksanakan dengan berjaya. Selain itu, maklumat-maklumat yang dikongsi memberi peluang kepada guru untuk mengenali keupayaan pelajar yang terlibat dalam kajian. Contohnya, guru mendapat informasi mengenai profil pelajar yang dinamik dalam sesuatu kumpulan, kelakonan pelajar ketika perbincangan dijalankan, keyakinan pelajar dalam kerja kumpulan, keberkesanan rubrik menilai rakan sebaya (*Peer Assessment*) dan kumpulan pelajar yang mendominasi perbincangan.

KESIMPULAN

Para guru beranggapan bahawa rutin berfikir LFT dan NSS yang digunakan mudah difahami dan telah menggalakkan para pelajar berfikir bagi meningkatkan kemahiran lisan. Para pelajar dapat memberikan maklum balas mereka.



Mereka juga dapat mengemukakan soalan untuk mendapatkan penjelasan lanjutan. Soalan-soalan rangsangan yang bertahap mengikut kesukaran tidak menjadi hambatan untuk dijawab. Malah, para pelajar menggunakan soalan-soalan tersebut sebagai pencetus idea-idea baharu. Proses pembelajaran ini banyak membantu para pelajar melahirkan pendapat dan mencerna idea secara berperingkat.

Para pelajar juga didapati berupaya memberikan pendapat tentang topik atau tema berdasarkan klip video dengan berpandukan rutin MTV dan prosedur menjawab soalan Lisan yang telah dilakar dan dirancang guru. Mereka dapat mengupas kandungan video dan melontarkan pandangan kritis dan menjawab dengan lebih konfiden.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Marhaini Rahmat
2. Siti Aisah Maduri

RUJUKAN

Campbell. (2002). Lesson Study Research Project – Fall Report daripada laman <http://www.tc.columbia.edu/lessonstudy/doc/LSR.Campbell.pdf>.

Fernandez, C., & Yoshida, M. (2004). Lesson Study: A Japanese approach to improving Mathematics teaching and learning. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum

Mohamed Naim Daipi. (2009). Kajian pengajaran: Lesson Study. <http://www.slideshare.net/mohamednaim/lesson-study-kajian-pengajaran>

Richard, R., Church, M., dan Morrison, K. (2011). Making thinking visible: How to promote engagement, understanding and independence for all learners. San Francisco: Jossey-Bass

Ron Ritchhart and David Perkins (2008 daripada laman [Making+Thinking+Visible_ASCD.pdf](http://www.ascd.org/Assets/PDF/Handbook/Handbook_01.pdf))

Sparks. (1999). Using lesson study to improve teaching daripada laman <http://www.tc.columbia.edu/lessonstudy/doc/LSR.Campbell.pdf>.

Stigler, J. & Hiebert, J. (1999). The Teaching Gap. New York: The Free Press.